



## JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

### POLISI

#### PELAKSANAAN *BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM)* DALAM PROJEK-PROJEK JKR

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) komited dalam meneraju bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan di Malaysia dengan mengadaptasi teknologi terkini melalui pelaksanaan *Building Information Modelling (BIM)* dalam projek-projek kerajaan bagi menambah baik dan meningkatkan produktiviti menerusi sistem penyampaian projek sedia ada.

Bagi menjayakan hasrat di atas, JKR akan memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Pematuhan terhadap garis panduan, piawaian dan keperluan yang terdapat dalam dokumen rujukan BIM berikut agar objektif pelaksanaan BIM dapat dicapai secara optimum:
  - a. BIM: Brif JKR;
  - b. BIM: Garis Panduan JKR;
  - c. BIM: Piawaian JKR;
  - d. BIM: Terma Rujukan JKR (Projek Konvensional Perunding); dan
  - e. BIM: Penyata Kehendak Kerajaan (Projek Reka dan Bina)
2. Menyedia dan memperkuuhkan keperluan infrastruktur secara berterusan bagi memastikan pelaksanaan BIM dalam projek berjalan lancar.
3. Menyedia dan menambah baik program pembangunan kompetensi BIM secara berterusan kepada para pegawai.
4. Meningkatkan keberkesanan tadbir urus pelaksanaan BIM agar sejajar dengan misi, visi dan objektif jabatan ke arah revolusi pembinaan secara digital.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN". The signature is written over a horizontal line and includes a stylized flourish at the end.

DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN

Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh: 30 Oktober 2020